BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

K1: Soalan Objektif **Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

1. Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi nasional? (Buku teks m.s. 140)

   A. Masyarakat pelbagai kaum
   B. Proses membentuk satu bangsa
   C. Fahaman politik berasaskan kaum
   D. Pendidikan vernakular dalam masyarakat

2. Sistem Pendidikan Vernakular telah diperkenalkan semasa pentadbiran British. Apakah kesan pengenalan sistem tersebut? (Buku teks m.s. 141)

   A. Mampu meningkatkan taraf hidup pribumi
   B. Melahirkan masyarakat berkemahiran
   C. Mampu menyatukan penduduk pelbagai kaum
   D. Telah mewujudkan perbezaan pemikiran antara kaum

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

3. Apakah penambahbaikan yang dilakukan dalam Kajian Aminuddin Baki dalam sistem pendidikan negara ? (Buku teks m.s. 145)

   I. Bahasa Melayu bahasa pengantar
   II. Penekanan kepada subjek Sejarah
   III. Memperkenalkan kursus kemahiran
   IV. Sistem persekolahan aneka jurusan

   A. I dan II C. II dan III
   B. I dan IV D. III dan IV

4. Apakah hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet? (Buku teks m.s. 146)

   A. Pengenalan KBSR dan KBSM
   B. Pengenalan Ordinan Pelajaran
   C. Pengenalan Sekolah Teknik dan Vokasional
   D. Pengenalan Kurikulum berorientasikan negara

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

5. Mengapakah institusi berikut ditubuhkan? (Buku teks m.s. 149)

   - Institut Alam dan Tamadun Melayu
   - Institut Bahasa, Kesusasteraan & Budaya

   A. Memantapkan perpaduan kaum
   B. Melahirkan masyarakat berkemahiran
   C. Menggalakkan kemasukan pelabur asing
   D. Memperkasa kedudukan Bahasa Melayu

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

6. Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (Buku teks m.s. 150)

   A. Perpaduan kaum melalui kebudayaan
   B. Memupuk dan memelihara kebudayaan kebangsaan
   C. Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
   D. Penglibatan pelbagai kaum dalam mempromosikan pelancongan

7.5 Sukan Sebagai Alat Perpaduan

7. Apakah kepentingan sukan dalam aktiviti kokurikulum kalangan murid sekolah? (Buku teks m.s. 152)

   I. Mengisi masa lapang
   II. Merapatkan hubungan antara murid
   III. Mengeratkan hubungan antara kaum
   IV. Menarik kedatangan atlet dari luar negara

   A. I dan II C. II dan III
   B. I dan IV D. III dan IV

LIVEWORKSHEETS

8. Maklumat di bawah ini adalah berkaitan dengan sukan di peringkat antarabangsa. (Buku teks m.s. 153)

- Le Tour de Langkawi
- Sukan Komanwel
- Piala Thomas

Apakah kepentingan sukan tersebut kepada negara kita?

A. Menggalakkan perpaduan kaum
B. Menambah pendapatan peniaga
C. Menjadi tumpuan pelancongan sukan
D. Menjadikan Malaysia terkenal di mata dunia

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

9. Apakah yang anda faham tentang Rukun Negara?
(Buku teks m.s. 157)

I. Taraf hidup dipertingkatkan
II. Kebebasan mutlak untuk semua rakyat
III. Membantu mengeratkan perpaduan antara kaum
IV. Mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

10. Bagaimanakah Rukun Negara membantu membina masyarakat yang liberal?
(Buku teks m.s. 158)

A. Menganggap diri sebagai rakyat Malaysia
B. Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya
C. Kebebasan berpolitik dengan mematuhi Perlembagaan Negara
D. Mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara

LIVEWORKSHEETS